

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT KEDUA. PENGGAL KETIGA.**

**PARLIMEN KETIGA BELAS.**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK DR. MAKIN @ MARCUS  
MOJIGOH  
[ PUTATAN ]**

**TARIKH : 19 MEI 2015 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [ Putatan ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk menyediakan perkhidmatan *Light Rail Transit* (LRT) atau monorail melalui kaedah *Private Finance Initiatives* (PFI) bagi mengurangkan kesesakan di Bandar Raya Kota Kinabalu dan kawasan sekitarnya.**

**JAWAPAN:      YB PUAN HAJAH NANCY SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Perancangan dan pembangunan infrastruktur pengangkutan awam di negeri Sabah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.
2. Oleh yang demikian, apa jua bentuk perancangan berhubung pembinaan *Light Rail Transit* (LRT) atau monorail di negeri Sabah adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN ( 38 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 19 MEI 2015  
[ SELASA ]**

**DARIPADA : Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN  
[TANJONG MANIS ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN [ TANJONG MANIS ]**  
minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah peratusan pembangunan rumah mampu milik dan rumah kos rendah dan sederhana berbanding dengan pembangunan rumah mewah di Malaysia pada tiga tahun iaitu 2012, 2013 dan 2014.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi meningkatkan penawaran rumah mampu milik di bawah harga RM300,000 seunit, Kerajaan telah mensasarkan 1 juta unit rumah menjelang tahun 2018. Beberapa program yang dirancang antaranya Program Perumahan Rakyat, MyHome, PPA1M akan dilaksanakan oleh agensi seperti Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Program Perumahan 1Malaysia (PR1MA), Agensi Kerajaan Negeri dan Pemaju Swasta.

Berdasarkan kategori harga rumah, majoriti unit rumah yang dibangunkan oleh pemaju perumahan merupakan kos tinggi iaitu RM100,000 ke atas. Pada tahun 2010, bilangan unit rumah kos tinggi yang diluluskan untuk pembinaan adalah 106,390 unit dan telah meningkat sebanyak 65.7% kepada 176,241 unit rumah pada tahun 2014.

Bagi kategori rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan kos sederhana bilangan unit rumah yang diluluskan untuk pembinaan adalah

20,953 unit dan telah menurun sebanyak 41.9% kepada 8,780 unit rumah pada tahun 2014.

Bagi tahun 2012, perbezaan bilangan unit rumah kos rendah, sederhana rendah dan sederhana dengan kos tinggi yang diluluskan pembinaan ialah 193,343 unit iaitu 90.2% . Bagi tahun 2013, perbezaan pembinaan yang diluluskan ialah 154,744 unit iaitu 93% manakala bagi tahun 2014, perbezaan pembinaan yang diluluskan ialah 167,461 unit iaitu 95%.

Tahun	2012	2013	2014
<b>Rumah Kos Rendah/ Kos Sederhana Rendah/ Kos Sederhana</b>	20,953	11,412	8,780
<b>Rumah Kos &gt; RM100,000</b>	214,296	166,156	176,241
<b>Jumlah Perbezaan</b>	193,343	154,744	167,461
<b>% Perbezaan</b>	90.2%	93%	95%

**SOALAN ( 39 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 19 MEI 2015  
[ SELASA ]**

**DARIPADA : Y.B. DATUK KOH NAI KWONG  
[ ALOR GAJAH ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. DATUK KOH NAI KWONG [ ALOR GAJAH ] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan apakah Kementerian akan mewujudkan satu pangkalan data bagi memantau pemilikan rumah bagi memastikan objektif Kerajaan untuk rakyat memiliki rumah tercapai.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang membangunkan sebuah sistem bank data perumahan bersepadu yang bertujuan untuk mengumpul semua maklumat perumahan di seluruh negara.

Objektif utama pembangunan sistem bank data perumahan ini adalah sebagai satu platform bagi semua aktiviti pembangunan hartanah yang menghubungkan Kerajaan, pemaju dan juga pembeli.

Pangkalan data yang akan dibangunkan ini akan menjadi rujukan utama Kementerian dan agensi berkaitan untuk memantau permintaan dan penawaran dalam pasaran rumah negara. Sistem bank data perumahan tersebut dijangka akan siap pada tahun 2016.

**SOALAN ( 40 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 19 MEI 2015  
[ SELASA ]**

**DARIPADA : Y.B. PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG  
[ KOTA SAMARAHAN ]**

**SOALAN :-**

**Y.B. PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG [ KOTA SAMARAHAN ] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan adakah skim perumahan mampu milik di negara ini mencukupi dan adakah Kementerian merancang menambah bilangan perumahan mampu milik dan melaksanakan perumahan penjawat awam 1Malaysia di Kota Samarahan.**

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa berusaha menangani permasalahan dan keperluan rakyat dalam memiliki rumah mampu milik. Bagi meningkatkan bekalan rumah dalam pasaran, Kerajaan telah mensasarkan pembinaan 1 juta unit rumah mampu milik dalam tempoh 5 tahun (2013-2017) yang digerakkan oleh sektor awam dan swasta seperti program MyHome, Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Skim Pinjaman Perumahan (SPP) termasuklah 500,000 unit oleh Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA).

Selaras untuk memastikan sasaran tersebut dicapai, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menukuuhkan Jawatankuasa Perumahan Negara (JPEN) yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang bermesyuarat sekurang-kurangnya 2 kali setahun.

Kerajaan juga telah menubuhkan Majlis Perumahan Negara (MPN) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang berperanan untuk merangka strategi dan pelan tindakan secara menyeluruh, menyelaras aspek perundangan dan mekanisme harga hartanah serta memastikan penyediaan rumah secara lebih efektif dan efisien.

Kementerian juga menjangkakan lebih banyak unit rumah mampu milik akan dibina melalui peruntukan tambahan daripada Kerajaan melalui Rancangan Malaysia Ke-Sebelas (RMKe-11).

Pada masa ini, KPKT belum mempunyai perancangan bagi melaksanakan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) di Kota Samarahan. Namun demikian KPKT akan mengambil inisiatif memperincikan cadangan perancangan PPA1M berdasarkan permintaan dan kesesuaian setempat termasuklah dengan mengambil kira keperluan perumahan golongan penjawat awam yang tinggal di Kota Samarahan.